

27 JUN 1997

Abdullah-Israel

AMERIKA AKAN DAPAT TENTANGAN DUNIA JIKA TERIMA KEPUTUSAN KONGRES

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Keputusan Kongres Amerika Syarikat (AS) membenarkan Israel memindahkan ibu negaranya ke Baitulmaqdis akan mendapat tentangan hebat masyarakat antarabangsa sekiranya pentadbiran Presiden Bill Clinton bersetuju dengannya.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, isu Baitulmaqdis adalah satu isu besar yang amat penting dan merupakan agenda utama dalam proses rundingan antara Israel dan Palestin bagi keamanan di Timur Tengah.

Beliau berkata sebagai negara pendamai, Amerika, mesti memahami bahawa ia sepatutnya berperanan ikhlas dan objektif serta tidak memihak kepada golongan tertentu.

"Sehubungan itu Amerika yang memainkan peranan sebagai negara pendamai tidak seharusnya berbuat sesuatu yang menunjukkan bahawa mereka seolah-olah terlalu memihak kepada Israel... walaupun kita tahu dalam banyak hal Amerika memang memihak kepada Israel dan dasar Amerika menyokong Israel itu pula adalah satu dasar yang kuat," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Terdahulu, Abdullah menerima kunjungan dan mengadakan mesyuarat dua hala bersama Menteri Luar Greece, Theodoros Pangalos, yang tiba hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari.

Kongres AS bulan ini meluluskan rang undang-undang dasar luar yang menjadikan Washington semakin hampir untuk mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel. Rang undang-undang itu mendapat tentangan daripada pelbagai pihak di seluruh dunia.

Abdullah berkata, Malaysia akan terus menentang dan mendesak supaya Presiden Clinton tidak bersetuju dengan keputusan Kongres AS.

"Kita (Malaysia) lihat pemindahan itu sebagai langkah yang kurang bijak... ia akan menerima pelbagai bentuk tentangan khususnya daripada negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan negara bukan OIC juga memahami bahawa Amerika tidak harus bertindak sedemikian," katanya.

Mengenai gesaan Pergerakan Pemuda Umno supaya Malaysia menghubungi Kumpulan Penghubung OIC bagi mengerakkan negara anggotanya melaksanakan tekanan terhadap Amerika, Abdullah berkata OIC memang sudah menyatakan tentangan terhadap perkara itu.

Tentangan berkenaan juga akan dikemukakan semula semasa sidang puncak OIC, katanya.

Mengenai perbincangan dengan Pangalos, Abdullah berkata antara topik perbincangan adalah mengenai kerjasama dua hala, perdagangan serta isu semasa antarabangsa yang antara lain menyentuh mengenai penyusunan semula Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Mengenai penyusunan semula PBB, kedua-dua negara bersetuju dengan cadangan menambah keanggotaan dalam Majlis Keselamatan.

Beliau berkata Malaysia menyatakan sokongannya bagi cadangan Jepun dan Jerman dilantik sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan kerana mempunyai kemampuan besar daripada segi sumbangan kerjasama dan kewangan kepada PBB.

Abdullah berkata, Menteri Luar Greece turut mempunyai pandangan yang sama bahawa regim Majlis Keselamatan perlu diperluaskan.

Beliau berkata: "Greece memahami pandangan Malaysia bahawa Jepun dan Jerman ada kekuatan daripada segi ekonomi dan mempunyai pengaruh daripada segi politik yang membolehkan mereka memainkan peranan dan menjadi anggota Majlis Keselamatan secara tetap."

Mengenai kerjasama dua hala antara Greece dan Malaysia, Abdullah

berkata Malaysia menyambut baik cadangan Greece meningkatkan hubungan perdagangan dan industri pelancongan antara kedua-dua negara. Jumlah dagangan kedua-dua negara pada masa ini bernilai RM170 juta dan ia memihak kepada Malaysia.

Bagi merencanakan aktiviti pelancongan itu, Greece memberikan kemudahan 30 hari lawatan tanpa visa ke negara itu bagi rakyat Malaysia. Kemudahan itu berkuatkuasa mulai hari ini.

Menurut beliau, Pangalos mempelawa ahli perniagaan Malaysia khususnya yang terlibat dalam industri pelancongan, perkhidmatan dan perhotelan melawat Greece bagi meninjau peluang kerjasama perniagaan dan pelaburan di negara itu.

Abdullah berkata Pangalos turut mengemukakan cadangan supaya kedua-dua negara menandatangani perjanjian mengenai perdagangan, perjanjian mengelak cukai berganda, perjanjian galakan pelaburan serta kerjasama ekonomi teknikal dan sains.

Malaysia tidak mempunyai halangan terhadap cadangan perjanjian berkenaan dan sedia memberi pertimbangan untuk bertukar-tukar dokumen serta menghalusi pendirian masing-masing mengenai perkara itu, katanya.

Abdullah berkata, Pangalos turut menyampaikan hasrat pemimpin Kerajaan Greece mengundang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat lawatan rasmi ke negara itu. -- BERNAMA

HS PR